

03 JUL 2002

Mahathir-Pengganti

MAHATHIR YAKIN KEPIMPINAN ABDULLAH, MINTA RAKYAT BERI SOKONGAN PADU

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan keyakinan bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang beliau telah namakan sebagai penggantinya, akan membawa negara mencapai tahap kemajuan yang lebih cemerlang.

Beliau juga berkata beliau yakin penggantinya itu akan mendapat sokongan penuh daripada barisan kepimpinan Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) yang menjamin peralihan kuasa berjalan secara lancar untuk meneruskan usaha pembangunan negara.

Dr Mahathir, yang telah mengumumkan akan bersara selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober tahun depan, turut melahirkan rasa gembiranya kerana proses peralihan pucuk pimpinan itu dapat berjalan lancar dan diterima oleh rakyat.

"Alhamdulillah, kita perlu bersyukur dengan keadaan di negara kita ini, kerana biasanya peralihan kepimpinan kerajaan menyebabkan macam-macam masalah, huru-hara, perebutan kuasa dan sebagainya," katanya sekembalinya dari bercuti selama 10 hari di luar negara.

"Saya percaya negara kita mempunyai potensi yang cukup besar untuk dimajukan dan menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, malah sesetengah wilayah lebih awal dari itu," katanya pada majlis sambutan kepulangannya yang dihadiri lebih 10,000 orang di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, dekat sini.

Dr Mahathir berkata barisan kepimpinan Umno, dalam pertemuan dengannya sehari selepas beliau mengumumkan persaraannya, telah menyatakan persetujuan mereka untuk tidak mengadakan perebutan bagi jawatan Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat kerana memberi sokongan kuat kepada parti-parti kerajaan dan kerajaan sehingga membolehkan kerajaan menumpukan usaha dan perhatian kepada pembangunan negara.

"Masih banyak yang perlu dilakukan untuk membangunkan negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat akan terus menikmati kemajuan negara sekiranya meneruskan kehidupan yang aman damai seperti sekarang.

"Inilah harapan kita semua dan ini juga harapan saya," katanya.

Dr Mahathir, pada sidang media sebelum itu, berkata beliau akan terus berkhidmat sebagai wakil rakyat Kubang Pasu di samping memberikan sokongan kepada parti dan kerajaan.

"Saya akan memberi sokongan kuat kepada kepimpinan, saya telah memperolehi sokongan kuat yang serupa, dan saya rasa menjadi tanggungjawab saya pula untuk memberikan sokongan yang kuat seperti itu kepada pengganti saya," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau boleh memberi khidmat walaupun berada di luar kerajaan bahkan akan mempunyai masa yang lebih untuk menumpukan kepada menjelaskan mengenai perjuangan parti dan dasar-dasar kerajaan dan cara pemerintahan dijalankan di negara ini.

"Saya harap dapat bertemu dengan seramai mungkin rakyat dan ahli parti, parti komponen dan lain-lain untuk menjelaskan betapa pentingnya kita terus dengan cara-cara yang baik yang diamalkan di negara kita," kata beliau.

"Saya (juga) gembira pada perhimpunan agung baru-baru ini melihat begitu ramai golongan muda yang memberi sokongan, ini golongan pelapis, dan saya perlu terus usaha untuk mendapat golongan pelapis supaya Umno dapat dihidupkan berterusan."

Apabila ditanya mengenai kriteria utama Abdullah dipilih sebagai penggantinya, Dr Mahathir berkata timbalannya itu dipilih oleh Umno sebagai Timbalan Presiden dan mengikut tradisi dalam parti itu Timbalan Presiden mengambil alih jawatan Presiden.

"Yang keduanya saya bekerja dengan Abdullah sekian lama, dan ada suatu masa, saya tanya kepadanya sama ada beliau bersedia untuk mengambil alih dan dia menyatakan kesediaannya untuk mengambil alih, jadi tak ada persoalan."

Apabila ditanya tidakkah tempoh peralihan selama 16 bulan itu agak terlalu lama, beliau berkata: "Saya ingat itu tak jadi masalah, yang jadi sampai 16 bulan itu kerana mesyuarat OIC (Pertubuhan Persidangan Islam).

"Saya telah memberi pengakuan kepada ramai pemimpin OIC yang saya akan sambut mereka ke mesyuarat itu, jadi tak eloklah kalau saya tak tunaikan janji saya, kalau diterima peletakan jawatan saya pada hari itu, tentulah saya tak jadi tuan rumah." katanya.

"Apabila saya dapati ramai yang tak bersetuju dengan hasrat saya dan hendak saya teruskan, saya minta pada mulanya sebulan, tapi itu tidak diterima.

"Jadi pada keesokan hari apabila ketua-ketua parti datang ke rumah, pada masa itu saya fikir sebagai satu tanggungjawab saya untuk nak terus menjadi pengerusi NAM (Pergerakan Negara Berkecuali) dan pengerusi OIC, saya teruskan sehingga 16 bulan, sehingga tamat mesyuarat OIC," kata beliau.

Dr Mahathir turut menerima sekeping watakah yang bertuliskan lirik lagu "Khalifah Kita" yang ditujukan khas kepada beliau daripada Ilya Qastalanni Haulillah, 15, dan Dewi Seri Bayu Nordin Selat, 6, yang memperkenalkan diri mereka sebagai "wakil" rakyat Malaysia.

Suasana di Pangkalan TUDM pagi ini juga tidak ubah seperti pesta dengan ribuan rakyat pelbagai lapisan berkumpul seawal pukul 6 pagi. Mereka turut membawa kain rentang, sepanduk dan slogan yang menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir.

Di udara, kelihatan sebuah kapal terbang kecil berlegar-legar membawa sepanduk berbunyi "Dr M Kepulangan Mu Dinantikan."

-- BERNAMA

RZS NM DC ZS NMO